

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN BUNGKUSAN HARI RAYA UNTUK PASUKAN KESELAMATAN
NEGARA
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 18-03-1992

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Berbahagia Puan Sri Hamidah Hamid, Pengerusi PERKEP; Yang Berbahagia Puan Sri Majmin Yahya, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT; Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Yaacob b. Mohd Zain, Panglima Tentera Darat merangkap Pemangku Panglima Angkatan Tentera; Yang Berbahagia Tan Sri Abd. Rahim b. Mohd. Nor, Timbalan Ketua Polis Negara dan Puan Sri Faridah; Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut dan Panglima Tentera Udara DiRaja Malaysia; Yang Amat Setia Timbalan-Timbalan Pengarah Perkhidmatan Polis; Yang Mulia Ketua Staf Jabatan Anggota Tentera; Saudari Ahli-ahli BAKTI yang dikasihi; Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah taufik dan hidayahNya kepada kita semua untuk berkumpul sekali lagi dalam bulan Ramadan yang mulia pagi ini untuk maksud yang murni.

2. Bagi pihak BAKTI dan diri saya sendiri, saya ucapkan selamat datang kepada tetamu-tetamu yang kami muliakan dan terima kasih kerana menyempurnakan jemputan kami pagi ini.

3. Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan kerana kehadiran tuan-tuan dan puan-puan adalah besar ertinya kepada kami. Sumbangan BAKTI kepada ahli-ahli pasukan keselamatan kita adalah amat kecil, tetapi BAKTI tidak rela melupakan budi baik dan pengorbanan mereka yang bertugas di merata-rata tempat.

4. Ramai di kalangan masyarakat kita berfikir bahawa dengan terhapusnya golongan pengganas komunis dalam negara, maka selesailah tugas-tugas pasukan keselamatan menjaga keamanan negara. Tetapi kita tahu bahawa tugas-tugas dan tanggungjawab pihak pasukan keselamatan negara -- tentera mahupun polis -- tidak tamat begitu sahaja, bahkan ia terpaksa memikul tugas-tugas yang baru yang sama berat tanggungjawabnya dengan yang lama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. BAKTI mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pasukan keselamatan negara di mana juga mereka berada. Kini anggota-anggota pasukan tentera kita, bukan sahaja bertugas di dalam negara sendiri bahkan di pilih pula bertugas di luar negara. Pada 3 tahun dahulu, pasukan tentera kita telah bertugas di benua Afrika sebagai pengaman di bawah bendera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dipercayai segelintir masih ada lagi di Namibia, Iraq, Kuwait dan Sahara Barat.

6. Kini, lebih kurang 900 anggota tentera kita telah dan akan berlepas ke Kampuchea dengan tugas yang sama di kawasan-kawasan pelarian di sana. Kita berasa megah bahawa Bangsa-bangsa Bersatu telah mengiktirafkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai tentera yang boleh diharap dan dipercayai menjalankan tugas-tugas pengaman di negara-negara yang tidak aman. Penghormatan itu diberi kepada pasukan keselamatan negara kerana pasukan kita berdisiplin, teratur dan cekap menjalankan tugas.

7. Kepada Regimen yang sudah ataupun akan berlepas ke Kampuchea bulan ini, BAKTI berdoa semoga Allah S.W.T. akan memberi segala perlindunganNya dan mencucuri rahmat dan kesejahteraan. Terimalah bungkusan kecil Hari Raya kami dan semoga selamat terbang pergi dan selamat kembali kelak, insya Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Tahun ini 18,000 kotak makanan disediakan berisi sambal ikan bilis, daging rendang, kuah satay dan nasi impit -- 14,000 untuk tentera dan 4,000 untuk Polis. Ahli-ahli BAKTI bersama pihak tentera telah menyediakan kotak-kotak makanan ini di sini selama satu setengah hari. Kali ini kerja-kerja membungkus bahan-bahan makan adalah lebih mudah atas jasa baik dan kerjasama Encik Zakaria Mahmood, Pengurus Jualan, Dewana Food Industries Sdn. Bhd.

9. Untuk makluman pihak tentera dan polis, pada tahun ini bagi kali kelimanya, BAKTI telah memasukkan borang penilaian dalam tiap-tiap kotak supaya penerima dapat menilai mutu dan persiapan jenis-jenis makanan yang dikirim. Pada masa-masa lampau di mana BAKTI dan juga Badan-badan Wanita lain bergabung dan dengan besar hati membungkus kuih-muih dan rendang daging untuk pasukan keselamatan, tidak ada maklumbalas mengenai keadaan jenis-jenis makanan ini sewaktu diterima. Kami khuatir mungkin ada yang telah bercendawan.

Agar-agar yang beku elok mungkin telah menjadi cair. Kuih bahu berkulat dan sebagainya. Masalah ini berulang sehinggalah pengusaha-pengusaha makanan dan badan-badan sukarela mengubah cara membuat dan jenis makanan yang dihantar.

10. Oleh itu, untuk mengelakkan ribuan wang ringgit membazir kerana silap peraturan, pada masa hadapan diharap surat-surat penilaian BAKTI itu dapat dikembalikan dengan jawapan-jawapan yang ikhlas. BAKTI harap kontinjen- kontinjen dapat mengumpulkan seberapa banyak jawapan daripada 18,000 surat yang dikirim supaya BAKTI mendapat maklumbalas dan mungkin mengubahsuai peraturan-peraturan kelak.

11. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencatatkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Hashim, yang akan bersara pada bulan April ini sebagai Panglima Angkatan Tentera.

Peraturan Tentera amat unik. Manakala hendak bersara, ia terpaksa pusing sekeliling negara, wilayah dan yang jauh juga untuk mengucap selamat tinggal. Saya diberitahu bahawa Jeneral Tan Sri Hashim berada di Australia ketika ini.

Namun, kehadiran Yang Berbahagia Puan Sri Majmin dihargai oleh BAKTI untuk kami sampaikan ucapan

terima kasih atas kerjasama dan pertolongan tentera dan juga BAKAT pada masa- masa yang lampau. Semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat bahagia dan kesejahteraan kepada Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Hashim dan Puan Sri dan berjaya dalam alam persaraan pula.

12. BAKTI ingin juga mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan yang Berbahagia Tan Sri Yaakob atas perantikan sebagai Panglima Angkatan Tentera (PAT) yang baru menjelang bulan April. Kepada beliau, BAKTI ingin memberi jaminan akan bekerjasama secara terusan setiap tahun untuk memperingati pasukan-pasukan tentera yang bertugas semasa Hari Raya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Akhirnya, Majlis kemuncak pada hari ini pasti tidak berjaya tanpa pertolongan beberapa pihak. Justeru itu, 1) Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada penderma-penderma untuk BAKTI membiayai bahan- bahan makanan sebanyak 18,000 kotak ini.

2) Kepada Encik Zakaria sendiri yang bertolak-ansur dengan BAKTI mengenai kotak-kotak dan bahan-bahan makanan itu. Encik Zakaria telah membuat kotak- kotak bungkusan dan mencetak kata-kata di atasnya dengan percuma. Membuat business dengan wanita memang sukar, Encik Zakaria, tetapi kalau dengan sebab-sebab mulia dan murni seperti ini, tolak lebih banyak lagi hendaknya. Beliau sendiri juga menyumbang beberapa katon makanan untuk pasukan ke Kampuchea.

3) Kepada Kapten Rosli dan rakan-rakannya yang bertungkus- lumus mengangkat 600 katon dari luar ke dalam, keluarkan pula kotak-kotak dari katon, masukkan balik dan akhirnya bawa katon-katon ini ke luar semula untuk dinaikkan dalam lori-lori.

Saya berharap tidak ada antara mereka yang sakit pinggang.

4) Akhir sekali tetapi tidak kurang nilainya, kepada saudari-saudari Ahli BAKTI yang saya kasihi kerana beramai-ramai mengerjakan tugas masing-masing tanpa soal. Pada mulanya lembab sedikit sungguhpun kerja lebih ringan pada tahun lepas.

Tetapi, sebaik sahaja kena lagu Lambada dan La Bamba, kerja "assembly line" lebih rancak dan dalam satu setengah hari sahaja tamat kerja membungkus. Syabas dan tahniah.

14. Kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi, dan juga yang terlupa, terimalah penghargaan saya yang tidak terhingga dan terima kasih. Kepada tetamu-tetamu jemputan sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih kerana melapangkan masa.

15. Semoga Allah S.W.T. selamatkan pasukan keselamatan negara di mana juga mereka berada, semoga isteri dan keluarga mereka juga bersabar dan dalam kandungan sihat walafiat, dan semoga Allah memberkati juga Majlis kita ini.

Selamat berpuasa, Selamat Hari Raya.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
